

KONSEP *KHIYĀR* MENURUT SYEIKH DAUD BIN ABDULLAH AL-FAṬĀNĪ DALAM *FURŪ‘ AL- MASĀ’IL*

The Concept of *Khiyār* from Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī Perspective in *Furū‘ al-Masā’il*

Hadenan Towpek¹

ABSTRACT

The book of Furū‘ al-Masā’il by Sheikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī (1131-1265H/1718-1847M), an Islamic religious work written in jawi, was considered a masterpiece in the field of Islamic jurisprudence at the time of his appearance in the nineteenth-century. This book contains almost all the titles in the field of Islamic jurisprudence including fiqh al-mu‘āmalat or Islamic transactions. One of the titles covered in fiqh al-mu‘āmalat, which is no less important, is the title of khiyār or option. Therefore, this article attempts to analyse the concept of khiyār as discussed by Sheikh Daud in this book. In analysing the corpus study, this article applies the content analysis methods through a thematic approach that is grouped under six subtitles: definition of khiyār, classification of khiyār, khiyār majlis or option during the meeting, khiyār syarṭ or option of condition, khiyār ‘ayb or

¹ Ph.D Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, hadenant@siswa.um.edu.my.

option of defect, and arsy or rebate. In addition, the approach draws a comparison with the views of major Shāfi'ī jurists. This article identifies the view of Syeikh Daud al-Faṭānī concerning the concept of khiyār, which is within the scope of discussion Shāfi'ī school of jurisprudence. This clearly indicates that the school of thought of Sheikh Daud al-Faṭānī was a continuation of a series of traditional Islamic sciences that draws on the family cluster and network of genealogy of jurisprudence references.

Keywords: Syeikh Daud al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, *Fiqh al-Mu'āmalat*, *Bāb al-Khiyār*

PENDAHULUAN

Dengan kematangan ilmu dan semangat mengembangkannya kepada umat Islam sejagat khususnya umat Melayu, Syeikh Daud al-Faṭānī telah menghasilkan kitab *Furū' al-Masā'il* yang dianggap sebagai sebuah karya yang lengkap kerana meliputi aspek ibadat, muamalah, perkahwinan, jenayah dan berbagai aspek lain. Dengan itu kitab ini dianggap sebagai karya puncak dalam bidang *fiqh* di Nusantara pada abad ke 19M.² Sehubungan itu, artikel ini mengemukakan suatu analisis ilmiah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan mengenai pandangan beliau terhadap konsep *al-khiyār* sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya *Furū' al-Masā'il*. Sebelum itu, artikel ini terlebih dahulu memperkenalkan secara ringkas mengenai biodata pengarang dan latar belakang kitab.

² Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 138. Bahkan Abdullah Alwi Hasan mengesahkan tulisan Hooker yang menyatakan bahawa kewibawaan dan keagungan Syeikh Daud dalam keilmuan Islam di Asia Tenggara masih lagi menjadi cabaran yang belum lagi tersahut oleh generasi ulama terkemudian. Lihat: Abdullah Alwi Hassan, 'Pertumbuhan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia', Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (eds.), *Tamadun Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 157; dan M.B. Hooker, 'The Law Texts of Muslim South-East Asia', *Laws of South-East Asia – The Pre-Modern Texts*, M.B. Hooker (ed.), Vol. I (Singapura: Butterworth & Co. (Asia) Pte. Ltd., 1986), 19-25.

RIWAYAT RINGKAS HIDUP SYEIKH DAUD AL-FAṬĀNĪ

Beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah, lebih dikenali sebagai “Tok Syeikh Daud Fatani”, selain gelaran-gelaran lain seperti “*al-'Alīm al-'Allāmah al-'Arīf al-Rabbānī*”, “Syeikh Daud Waliullah”, “Syeikh Daud Keramat” dan “Syeikh Daud Pengarang Kitab”.³ Beliau dilahirkan di Kampung Kerisik⁴ di Wilayah Patani Thailand, sekitar tahun 1131H/1718M.⁵ Beliau mendapat pendidikan awal daripada keluarga sendiri iaitu daripada bapa dan datuknya, serta berkesempatan berguru dengan ulama-ulama setempat yang datang dari Timur Tengah atau Yaman. Kemudian, beliau juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun sebelum beliau berangkat ke Hijaz. Beliau belajar di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah selama 5 tahun.⁶ Beliau wafat di Ta'if pada tahun 1265H/1847M.⁷

Kitab *Furū' Al-Masā'il*

Judul penuh kitab ini ialah *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*, dihasilkan pada 1254H/1838M dan diselesaikan pada 1257H/1841M.⁸ Kitab ini adalah karya besar beliau dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam yang pernah

³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam: HIZBI, 1990), 21-22; Wan Mohd. Shaghir, ‘Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Karya-karyanya’, *Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademi Islam Universiti Malaya, 1991a), 18; M.B. Hooker, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 73.

⁴ Wan Mohd. Shaghir, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, 20; Wan Mohd. Shaghir, ‘Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Karya-karyanya’, 8.

⁵ Wan Mohd. Shaghir, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, 4-7; Wan Mohd. Shaghir, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani: Pengetahuan Sembahyang Masyhur* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2003), 7.

⁶ Wan Mohd. Shaghir, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, 24-25.

⁷ Wan Mohd. Shaghir, ‘Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Karya-karyanya’, 5.

⁸ Wan Mohd. Shaghir, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani: Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, 20.

didapati di Mekah sejak tahun 1880an lagi.⁹ Dalam bahasa Inggeris, *Furū' al-Masā'il* diterjemahkan sebagai 'branches of religious issues',¹⁰ atau 'the branches and trunks of questions'.¹¹ Manuskrip asal kitab ini boleh didapati di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia yang disenaraikan sebanyak 22 katalog.¹² Selain itu, kitab ini mempunyai pelbagai versi cetakan terawal.¹³ Pada masa sekarang, versi cetakan kitab yang masih diulang-cetak, dijual di pasaran dan digunakan di institusi pengajian tradisional terutamanya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Patani Thailand,¹⁴ adalah versi cetakan Maṭba'ah bin Ḥalābī, Patani Thailand yang menggunakan versi cetakan Maṭba'ah Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir.¹⁵

Skop Perbincangan Konsep *Khiyār*

Artikel ini menumpukan kepada *bāb al-khiyār*¹⁶ yang terdapat dalam *rubu' al-mu'āmalat* daripada kitab *Furū' al-Masā'il* jilid 2 sebagai korpus kajian. Syeikh Daud menulis *rubu' mu'āmalat* dengan pelbagai kategori tajuk yang berjumlah 40 tajuk, iaitu 17 *kitāb*, 14 *bāb* dan 9 *faṣl*.¹⁷ Manakala tajuk mengenai *khiyār*

⁹ V. Matheson & M.B. Hooker, 'Jawi Literature in Patani: the Maintenance of an Islamic Tradition', *JMBRAS*, 61/1(1988): 22.

¹⁰ Mohamad @ Md. Som Sujimon & Wan Sabri bin Wan Yusoff, 'Sheikh Dā'ūd al-Faṭānī's Contribution to Muslim Scholarship in Malaysia', *Monograph on Selected Malay Intellectuals* (Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2003), 33.

¹¹ Vladimir Braginsky, *The Heritage of Traditional Malay Literature* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2004), 656.

¹² Francis R. Bradley, 'Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani's Writing Contained in the National Library of Malaysia', *Jurnal Filologi Melayu*, 15(2007):121-141.

¹³ Antaranya termasuklah cetakan al-Taraqqa al-Majdiyyah al-'Uthmāniyyah al-Kā'inah Makkah al-Mahmiyyah (1302H/1885M); cetakan Maṭba'ah al-Miṣriyyah al-Mahmiyyah di Kampung Dandiriyyah Muḥammad Affandī Muṣṭafā (1307H/1889M); dan cetakan Maṭba'ah Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir (1348H/1929M). Lihat: Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 'Mengkaji Gaya Bahasa dalam Kitab Furu' al-Masa'il Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani', *Jurnal Dewan Bahasa*, 35/1(1991b): 58-59.

¹⁴ Hadenan bin Towpek, 'Beberapa Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani Dalam Sistem Pengajian Pondok di Kelantan', *Seminar Keintelektualan Islam*, (Kota Bharu Kelantan: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Cawangan Kelantan, dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, 31 Mei-1 Jun 2010), 3 & 8.

¹⁵ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il* (Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalābī, t.t.), ii. 389.

¹⁶ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 19-27.

¹⁷ Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan, 'Beberapa Metodologi Penulisan

adalah termasuk dalam kategori tajuk *bāb* yang ditulis sebagai *bāb al-khiyār* dan diikuti dengan subtajuk di bawah dua kategori *faṣl* iaitu *faṣl fī khiyār al-syarṭ* dan *faṣl fī khiyār al-'ayb*.¹⁸

Dari segi struktur, kitab ini membincangkan perkara-perkara *furu'* atau cabang-cabang *fiqh* yang direka dengan model kitab fatwa iaitu mempunyai soalan dan jawapan dengan kupasan yang terperinci dan merangkumi semua bab; tanpa menyatakan identiti pihak yang menyoal.¹⁹ Lantaran itu, skema model kitab fatwa juga diterapkan dalam tajuk *khiyār* yang mengandungi 54 set soalan-jawapan iaitu 12 set soalan-jawapan di bawah kategori *bāb* dan 42 set soalan-jawapan di bawah kategori *faṣl*. Untuk tujuan penulisan ini, ia boleh dikelompokkan kepada enam perbincangan utama, iaitu definisi *khiyār*, bahagian *khiyār*, *khiyār majlis*, *khiyār syarṭ*, *khiyār 'ayb*, dan *arsy* (potongan harga).

Definisi *Khiyār*

Pada peringkat awal penulisan *fiqh* mazhab Shāfi'ī menunjukkan takrifan dan konsep *khiyār* tidak dibahaskan secara meluas sebagaimana yang dapat dirujuk dalam kitab *al-'Azīz* karya al-Rāfi'ī,²⁰ yang merupakan sebuah kitab syarah kepada kitab *al-Wajīz* karya al-Ghazālī. Begitu juga dalam kitab *Minhāj*

Syeikh Daud Bin 'Abdullah Al-Faṭānī Dalam Kitab *Furū' al-Masā'il* Dengan Tumpuan Kepada Fiqh Mu'āmalāt', *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo III* (Pontianak KALBAR: Pusat Penyelidikan & Pengembangan Islam Borneo UiTM Sarawak, 4-5 Oktober 2010), 7. Tajuk-tajuk tersebut terdiri daripada jilid pertama *Furū' al-Masā'il* cetakan Maṭba'ah Bin Ḥalābī menyentuh tentang *Tawḥīd* (*Uṣūl al-Dīn*) (h. 2-14), *Fiqh al-'Ibādah* dan *Ṭahārah* (h. 15-184), Zakat (h. 184-211), Puasa (h. 211-222), *I'tikāf* (h. 222-225), Haji dan Umrah (h. 225-260), Korban (h. 260-267), Makanan (h. 267-271), dan Pemburuan dan Sembelihan (h. 271-274). Sementara jilid kedua cetakan yang sama membincangkan mengenai *Fiqh al-Mu'āmalah* (h. 2-134), *Farā'id* (h. 134-149), Wasiat (h. 149-161), Perkahwinan (h. 161-294), Jenayah (h. 295-332), Jihad (h. 335-345), Perlumbaan dan Memanah (h. 345-347), Sumpah (h. 347-356), *Kaffārah* (h. 356-357), Nazar (h. 357-360), *Qaḍā'* (h. 360-370), Persaksian dan Keterangan (h. 370-379), dan Memerdekakan Hamba (h. 379-388).

¹⁸ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21.

¹⁹ Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan, 'Beberapa Metodologi Penulisan Syeikh Daud Bin 'Abdullah Al-Faṭānī Dalam Kitab *Furū' al-Masā'il* Dengan Tumpuan Kepada Fiqh Mu'āmalāt', 4.

²⁰ Al-Rāfi'ī, al-Imām Abū Qāsim 'Abd al-Karīm b. Muḥammad b. 'Abd al-Karīm al-Qazwīnī al-Shāfi'ī, *al-'Azīz Syarḥ al-Wajīz* (Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 4 vol., 1997), 159.

*al-Ṭālibīn*²¹ dan *Rawḍat al-Ṭālibīn*,²² kedua-duanya karya al-Nawawī tidak memberi huraian mengenai takrifan *khiyār*.

Namun, penulisan selepas daripada itu menunjukkan terdapat penjelasan mengenai takrifan dan konsep *khiyār* sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Mughnī al-Muḥtāj* karya al-Syarbīnī al-Khaṭīb,²³ dan kitab *Nihāyat al-Muḥtāj* karya al-Ramlī,²⁴ menyatakan bahawa *khiyār* adalah merujuk kepada menuntut pilihan yang lebih baik daripada dua perkara sama ada meneruskan akad jual beli atau memfasakhkannya. Pendapat yang sama juga boleh didapati dalam rujukan fuqaha Shāfi‘īyyah yang lain yang merumuskan bahawa *khiyār* merujuk kepada hak pihak yang berakad sama ada untuk membatalkan akad atau meneruskannya, bagi menzahirkan keprihatinan secara syar‘ī ataupun memenuhi kepentingan dan kemuafakatan pihak-pihak yang berakad.²⁵ Huraian yang sama juga boleh didapati dalam pendefinisian *bāb al-khiyār* dalam *Hawasyi al-Syirwani* dan *al-‘Ibadi* yang merupakan komentar kepada kitab *Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj* karangan Ibn Hajr al-Haytami.²⁶

Dalam hubungan ini, Syeikh Daud dalam *Furū‘* dengan nada yang sama juga memberi takrifan yang ringkas terhadap istilah *khiyār* sebagai ‘memilih kebaikan’. Beliau menyatakan bahawa kaedah *khiyār* diwujudkan bagi memudahkan pihak-pihak yang berakad sama ada meneruskan akad atau menamatkannya.²⁷

Takrifan ini menunjukkan bahawa syarak menjaga perkara-perkara masalah di kalangan manusia dengan mengambil kira kelakuan manusia yang kadang-kadang bersikap gopoh dan tidak teliti dalam mengambil keputusan. Oleh itu,

²¹ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf al-Dimasyqī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muftīn* (Arab Saudi: Dār al-Minhāj, 2005), 219.

²² Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf al-Dimasyqī, *Rawḍat al-Ṭālibīn* (Arab Saudi: Dār ‘Ālim al-Kutub, cet. khas, 3 vols., 1423H/2003M), 104.

²³ Al-Syarbīnī al-Khaṭīb, Muḥammad, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997), ii. 58.

²⁴ Al-Ramlī, Muḥammad b. Aḥmad b. Hamzah b. Syihāb al-Dīn, *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* (Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr, 1983), iv. 3.

²⁵ Wizārat al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, 1987), xx. 41. Lihat juga: al-Zuḥaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), iv. 250; Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fiqh al-Islām Syarḥ Bulūgh al-Marām Min Jam‘ Adillat al-Aḥkām* (Madinah: Maṭābī‘ al-Rasyīd, 1982M/1402H), 93.

²⁶ *Hawasyi al-Syaykh ‘Abd al-Hamid al-Syirwani wa al-Syaykh Ahmad bin Qasim al-‘Ibadi ‘ala Tuhfat al-Muhtaj b Syarh al-Minhaj* (t.tp.: Dar al-Fikr, t.t.), iv. 332.

²⁷ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū‘ al-Masā’il*, 19.

suatu jual beli yang sah tidak semestinya berdasarkan hanya apabila rukun dan syaratnya dipenuhi. Sebaliknya kedua-dua pihak yang berakad berhak sama ada untuk meneruskan atau membatalkan akad yang telah dipersetujui. Langkah ini sebagai tanda keprihatinan dan bertujuan memastikan agar akad tersebut dijalankan dengan penuh kerelaan.²⁸ Dengan perkataan lain, *khiyār* diperundangkan untuk menjamin keredhaan dua pihak yang berakad dan menjaga maslahat kedua-duanya, serta untuk mengelakkan bahaya yang mungkin menimpa salah satu pihak yang berakad.²⁹

Bahagian *Khiyār*

Dalam *Furū'* dijelaskan bahawa *khiyār* boleh dibahagikan kepada dua iaitu *khiyār naqṣin* yang berlaku kerana kekurangan, dan *khiyār tarawwī* yang berlaku kerana kecenderungan dan keinginan pihak-pihak berakad itu sendiri. *Khiyār tarawwī* ini berlaku atas dua sebab iaitu *khiyār majlīs* dan *khiyār syarṭ*.³⁰

Pembahagian ini adalah selari dengan pengkelasan yang dikemukakan oleh fuqaha Shāfi'īyyah seperti al-Ghazālī dalam kitab *al-Wajīz*,³¹ al-Nawawī dalam *Rawḍat al-Ṭālibīn*,³² kitab *Nihāyat al-Muḥtāj* karya al-Ramlī (dikenali sebagai al-Shāfi'ī al-Ṣaghīr),³³ dan *Hāsyiyat al-Qalyūbī* yang merupakan *hāsyiyah* kepada kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* karya al-Nawawī.³⁴

Berdasarkan sumber-sumber rujukan ini dapatlah disimpulkan bahawa *khiyār* boleh dikelaskan kepada *khiyār al-tarawwī* dan *khiyār al-naqīṣah*. *Khiyār al-tarawwī* merujuk kepada sesuatu yang tidak dikaitkan sifat kekurangan. Dalam *Mughnī al-Muḥtāj* karya al-Syarbīnī al-Khaṭīb pula menggunakan istilah *khiyār tasyahhin* bagi *khiyār al-tarawwī*.³⁵ *Khiyār* jenis ini boleh berlaku atas sebab *khiyār majlīs* dan *khiyār syarṭ*. Sementara *khiyār*

²⁸ Muṣṭafā Rīb al-Bughā *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam dan Beirūt: al-Dār al-Syāmiyyah, 1996), iii. 17.

²⁹ Al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 250.

³⁰ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 19.

³¹ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad, *al-Wajīz fi Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirūt, Lubnan: Dār al-Arqam bin Abī al-Arqam, 1997), i. 300-301.


³² Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 104.

³³ Al-Ramlī *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, 3.

³⁴ Al-Qalyūbī dan 'Umairah, *Hāsyiyatān (Hāsyiyat al-Qalyūbī wa Hāsyiyat 'Umairah 'ala Syarḥ al-Muhallā 'ala Minhāj al-Ṭālibān)* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.), ii. 189.

³⁵ Al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 58.

al-naqīṣah merujuk kepada sesuatu yang dikaitkan dengan berlakunya sesuatu sifat kekurangan. Contoh *khiyār* jenis kedua ini berlaku dalam *khiyār ‘ayb*. Pengkelasan akad *khiyār* ini boleh ditunjukkan dalam rajah berikut:



Selain itu, Syeikh Daud menjelaskan bahawa jenis muamalah yang boleh berlaku *khiyār* adalah setiap yang dinamakan jual beli itu sah *khiyār* dengan *khiyār majlis* sekiranya melibatkan pihak yang berstatus merdeka. Selain itu, termasuk dalam kategori ini ialah jual beli riba, *salam*, *qismah radd*, *qismah ifrāz* dan *qismah ta ‘dīl*.³⁶

Dalam *Furū‘* dinyatakan juga bahawa *khiyār* tidak berlaku dalam akad *jā ‘iz* sekalipun pada satu taraf, umpamanya seperti *rahn ḍaman*, *wakālah*, *qarḍ*, *syarikah*, *‘āriyah*, wakaf, merdeka, talaq, *ibrā‘*, nikah, hibah, *syuf‘ah*, *ijārah*, *musāqāh*, *ṣadaq*, dan *khuluq*. Sebaliknya *khiyār* boleh berlaku dalam jual beli seperti jual riba, *salam*, *tasyrīk*, *tawliyah* dan *ṣulḥ mu ‘āwaḍah* (tidak termasuk *ṣulḥ haṭīṭah*).³⁷

Jenis *Khiyār*

Dalam *Furū‘*, Syeikh Daud hanya menulis tiga jenis *khiyār* iaitu *khiyār majlis*, *khiyār syarṭ* dan *khiyār ‘ayb*, iaitu jenis-jenis *khiyār* yang diterima oleh fuqaha’ mazhab Shāfi‘ī. Syeikh Daud tidak membincangkan tentang jenis-jenis *khiyār* yang lain seperti *khiyār al-ta ‘yīn* dan *khiyār al-ru ‘yah*, kerana *khiyār ta ‘yīn*

³⁶ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū‘ al-Masā‘il*, 19. Penjelasan lanjut mengenai definisi dan konsep tiga *qismah* ini boleh dirujuk dalam *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, xxviii, 211-215.

³⁷ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū‘ al-Masā‘il*, 19-20. Dalam kes ini, *ṣulḥ mu ‘āwaḍah* merujuk kepada tukaran iaitu orang yang berhak terhadap sesuatu barang iaitu pihak pendakwa menuntut barangan lain sebagai ganti kepada haknya sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan. Muṣṭafā Rīb al-Bughā *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, 154. Sementara *ṣulḥ haṭīṭah* merujuk kepada rebat iaitu orang yang berhak terhadap barangan tersebut iaitu pihak pendakwa telah menggugurkan sebahagian haknya terhadap barangan tersebut untuk diserahkan kepada orang yang didakwa. Muṣṭafā Rīb al-Bughā *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, 153.

diharuskan oleh Abū Ḥanifah dan al-Syaybānī dari mazhab Ḥanafī,³⁸ sementara *khiyār al-ru'yah* diharuskan oleh jumhur fuqaha' iaitu mazhab Ḥanafī, Mālikī, Ḥanbalī dan Zāhirī (kecuali Shāfi'ī).³⁹ Untuk itu, perbincangan lanjut akan membincangkan mengenai *khiyār majlis*, *khiyār syarat* dan *khiyār 'ayb*.

Jenis 1: Khiyār Majlis

Dalam *Furū'*, Syeikh Daud tidak menjelaskan mengenai takrifan mengenai *khiyār majlis*. Namun, *khiyār majlis* dapat difahami sebagai hak pemilihan pihak berakad ketika berada di majlis akad. Sekiranya salah satu pihak menggugurkan hak pemilihan, maka pihak lain masih berhak membuat pilihan untuk meneruskan atau membubarkan akad selagi kedua-dua pihak belum meninggalkan majlis akad.⁴⁰ Dalam hal ini, akad itu berkuatkuasa setelah tamatnya majlis akad dengan cara kedua-dua pihak yang berakad itu sama ada telah berpisah (*al-tafarruq*) atau telah membuat *khiyār* (*al-takhyīr/al-takhāyur*).⁴¹

Syeikh Daud menumpukan perbincangan dalam *khiyār majlis* kepada spesifikasi majlis akad itu sendiri iaitu menerangkan identifikasi konsep 'berpisah' (*al-tafarruq*) dalam majlis akad sebagaimana berikut:

1. Perbuatan 'berpisah' salah satu pihak yang berakad boleh menyebabkan *khiyār* itu batal sekalipun kerana jahil atau lupa. Namun, *khiyār* tidak batal apabila ada unsur-unsur paksaan dalam berpisah sekalipun mulutnya tidak ditutup.⁴²
2. *Khiyār* boleh batal apabila salah seorangnya lari dan satu pihak lagi tidak mencarinya. Namun *khiyār* tidak batal sekiranya dia tidur, atau dalam *khiyār majlis*, sekiranya kedua-keduanya duduk bersama-sama beberapa hari sehingga mereka berpisah.⁴³

³⁸ Al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, iv. 253.

³⁹ Al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, iv.268.

⁴⁰ Al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, iv. 250; *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, xx. 169; Muṣṭafā Rīb al-Bughā *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, 17; Abd Basir Mohamad *et al.*, *Kamus Ekonomi Islam: Perniagaan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 54.

⁴¹ Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 104; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥtājīn*, 219; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 60; al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, iv. 250.

⁴² Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 20.

⁴³ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 20.

3. Istilah berpisah ditentukan mengikut uruf atau kelaziman suatu tempat.⁴⁴
4. Jika meninggal dunia atau gila salah satu pihak yang berakad pada majlis akad, maka hak *khiyār* itu berpindah kepada warisnya. Jika warisnya masih kecil atau gila atau *mahjūr ‘alayh*, maka hakim akan melantik suatu pihak untuk mewakilinya.⁴⁵
5. Apabila beberapa orang mewarisi pusaka hak *khiyār*, maka *khiyār* tidak putus apabila berpisah separuh daripada mereka. Ia hanya terputus apabila semua pewaris tersebut berpisah. Lain pula keadaannya apabila sebahagian mereka memfasakhkan akad itu, maka ia akan terfasakh sekalipun sebahagian yang lain meluluskan akad tersebut.⁴⁶
6. Sekiranya pihak yang berakad itu bisu, dia juga berhak untuk membuat *khiyār* dengan menggunakan sesuatu isyarat tertentu yang memberi faham sama ada untuk meneruskan akad atau membatalkannya. Sekiranya dia tidak tahu menggunakan bahasa isyarat, maka hakim akan

⁴⁴ Umpamanya seperti jika kedua-keduanya dalam perahu atau dalam masjid atau kampung yang kecil, maka dianggap berpisah apabila keluar sahaja dari tempat tersebut, atau naik ke tingkat atas. Jika berada dalam kampung yang besar, dianggap berpisah apabila keluar dari rumah utama menuju ke serambinya atau kepada orang ramai. Jika berada di pekan, dianggap berpisah apabila memberi belakang salah seorangnya dan berjalan beberapa langkah. Jika berada di perahu, dianggap berpisah apabila seorang turun ke bawahnya atau naik ke atas. Dalam hal ini, dianggap tidak berpisah jika diletakkan dinding kain atau binaan kerana keduanya masih tinggal bersama. Selain itu, jika berlaku jual beli dengan suatu jarak dengan berteriak dari jauh, maka dianggap sah dan sabit *khiyār* bagi kedua-keduanya selagi belum berpisah daripada posisinya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū‘ al-Masā’il*, 20. Lihat juga: al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, 61; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muḥtāj*, 219.

⁴⁵ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū‘ al-Masā’il*, 20. Pendapat ini selari dengan pendapat ulama Shāfi‘ī yang lain. Lihat: al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), v. 57; al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 105; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muḥtāj*, 219; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, 61-62. Al-Māwardī menukulkan bahawa dalam mazhab Shāfi‘ī tidak ada perselisihan mengenai ketiga-tiga jenis *khiyār* ini adalah boleh diwarisi, dan tidak terbatal dengan kematian. al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, 58.

⁴⁶ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū‘ al-Masā’il*, 20.

melantik suatu pihak untuk mewakilinya seperti dengan menggunakan kaedah tulisan.⁴⁷

7. Sekiranya berselisih mengenai status berpisah, maka pihak yang dibenarkan ialah pihak yang menafikan berpisah dengan ukuran tempoh masa tertentu. Sementara sekiranya berselisih mengenai status fasakh akad, maka dibenarkan pihak yang menafikan fasakhnya.⁴⁸

Jenis 2: Khiyār Syarat

Sebagaimana *khiyār majlis*, *khiyār syarat* juga tidak diberikan definisi oleh Syeikh Daud. Namun, dalam mazhab Shāfi'ī, *khiyār syarat* merujuk kepada salah satu pihak atau kedua-dua pihak berakad menetapkan syarat bahawa dia mempunyai hak untuk ber*khiyār* iaitu hak untuk membatalkan akad sepanjang tempoh tertentu. Syarat ini dinyatakan sama ada ketika berakad atau selepasnya, tetapi hendaklah berlaku sebelum mereka berpisah dari majlis akad. Jenis *khiyār* ini dinamakan *khiyār syarat* kerana pihak yang berakad mengenakan syarat yang tertentu.⁴⁹ Imām al-Nawawī menyatakan bahawa *khiyār syarat* adalah sah dan diterima secara ijmak.⁵⁰

Sehubungan itu, skop perbincangan Syeikh Daud dalam *khiyār* jenis kedua ini adalah berkisar mengenai syarat yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berakad sebagaimana berikut:

1. Kadar tempoh *khiyār syarat* selama tiga hari berturut-turut bermula ketika berakad. Sekiranya disyaratkan sehari, kemudian pihak yang berakad itu meninggal dunia belum lagi sehari, maka warisnya boleh meminta tambah sehari lagi atau dua hari berikutnya.⁵¹
2. Hak *khiyār* boleh berpindah kepada waris apabila salah satu pihak yang berakad meninggal dunia, kecuali hak wali yang dikembalikan kepada hakim kerana hak wali tidak boleh diwariskan kepada waris mahupun

⁴⁷ Dalam hal ini, apabila seorang wali membeli sesuatu bagi pihak kanak-kanak, kemudian dia baligh sebelum berpisah majlis akad, maka hak *khiyār* itu tidak boleh berpindah kepada kanak-kanak baligh itu kerana dia tidak cukup syarat ketika waktu berakad. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 20.

⁴⁸ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 20. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥīn*, 219.

⁴⁹ Muṣṭafā Rīb al-Bughā *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, 18; Abd Basir Mohamad *et al.*, *Kamus Ekonomi Islam: Perniagaan Islam*, 55.

⁵⁰ Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 108.

⁵¹ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21.

pihak yang diwakilkan. Dalam hal ini, wakil tidak boleh mensyaratkan *khiyār* bagi yang lain daripada dirinya dan pihak yang memberi *wakālah*, melainkan dengan izin pihak pemberi *wakālah*.⁵²

3. Dalam kes seperti hamba perempuan yang hendak dijual, kemudian diwaṭi'kan oleh penjual, atau dimerdekakan, atau dijual, atau disewakan, atau dikahwinkan, maka tindakan ini menyebabkan *khiyārnya* terfasakh. Namun, sekiranya tindakan tersebut datang daripada pembeli, maka ia dikira sebagai *ijāzah* (pemberian secara sukarela). Dalam kes ini, sekiranya akad ini diteruskan juga sama ada dijual atau diwakilkan untuk dijual, maka dikira tidak jadi fasakh dan tidak jadi *ijāzah*.⁵³
4. Perkara *khiyār* ini hanya berlaku pada akad jual beli. Oleh itu, tidak ada *khiyār* dalam muamalah selain jual beli seperti fasakh, '*itqun, ibrā'*, nikah, *ijāzah* (hadiah) dan *waqaṣ*.⁵⁴
5. Tempoh *khiyār* syarat hendaklah diketahui (*ma'lūm*) seperti hingga naik matahari esok hari, atau hingga satu saat tertentu yang diketahui. Oleh itu, *khiyār* tidak sah sekiranya tempoh masa itu tidak diketahui (*majhūl*) secara yakin seperti hingga tempoh menuai atau waktu musim sejuk kerana terdedah kepada unsur tipu daya.⁵⁵

Jenis 3: *Khiyār al-'Ayb*

Jenis *khiyār* ketiga ini merujuk kepada salah satu pihak berakad mempunyai hak untuk membatalkan akad atau meneruskannya apabila terdapat kecacatan pada salah satu daripada barang pertukaran, sedangkan pemilikinya tidak mengetahui kecacatan itu di waktu akad. Dengan lain perkataan, sebab yang membolehkan *khiyār* ini ialah lahirnya kecacatan ('*ayb*) pada barang yang dijual atau pada barang tukarannya, yang mengurangkan nilainya atau merosakkan maksud

⁵² Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21.

⁵³ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥīn*, 220.

⁵⁴ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21. Istilah *waqaṣ* berkaitan dengan zakat ternakan iaitu merujuk kepada jumlah yang terletak antara dua kadar wajib zakat ternakan. Umpamanya kadar zakat unta dikenakan apabila berjumlah lima ekor, dan tidak dikenakan selebihnya sehinggalah mencapai jumlah sepuluh ekor. Jadi, jumlah antara lima dan sepuluh ekor ini disebut sebagai *waqaṣ*. Lihat: Edward William Lane, *An Arabic-English Lexicon*, (Part 8 ن - ي, Beirut – Lebanon: Librairie Du Liban, 1968), 374.

⁵⁵ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 109.

daripada pembelian barang tersebut; sedangkan pemiliknya tidak mengetahui kecacatannya ketika berakad.⁵⁶

Perbincangan Syeikh Daud mengenai jenis *khiyār 'ayb* ini boleh diringkaskan kepada perkara-perkara berikut:

1. Bentuk tindakan penjual yang dikira membawa kepada unsur kecacatan atau kerosakan.⁵⁷
2. '*Ayb* yang wujud sebelum⁵⁸ dan selepas⁵⁹ dibeli.
3. Kategori '*ayb* yang harus dik*khiyār*.⁶⁰

⁵⁶ Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 261; Abd Basir Mohamad *et al.*, *Kamus Ekonomi Islam: Perniagaan Islam*, 53.

⁵⁷ Umpamanya seperti perbuatan penjual menahan daripada memerah susu supaya nampak penuh kantung susu ternakan seperti kambing, atau merah muka hamba perempuan dengan menaikkan seri mukanya atau dikerintingkan rambutnya atau dihitamkan rambutnya, atau menahan air pada kolamnya atau menahan air buat giling ragi tatkala hendak dijualnya supaya lancar gilingnya. Semua perbuatan ini dan seumpamanya adalah haram dan pihak yang membeli harus *khiyār* apabila dia mengetahui tipu daya tersebut. Namun, terdapat kekecualian seperti perbuatan melumur kain hamba perempuan dengan warna dakwat supaya disangka dia tahu menulis, maka dalam kes ini, pembeli tidak boleh *khiyār* kerana tipu daya itu tidak benar dan dia telah cuai kerana tidak menguji kepandaianya menulis sebelum dibelinya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 21. Lihat juga: al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 85-86.

⁵⁸ Barang jualan mempunyai '*ayb* nyata yang wujud sebelum dibeli dan mengurangkan nilainya, dan pembeli berhak mengembalikannya kepada penjual. Umpamanya seperti kambing yang dikasi, liar, haiwan tunggangan yang payah hendak naik, menggigit orang, zina, mencuri, pelari, busuk mulutnya, busuk ketiakanya, kencing di tikar, atau dipotong tangannya kerana mencuri dahulu daripada serahan. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 22. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 126; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muftīn*, 220.

⁵⁹ Namun sekiranya '*ayb* itu wujud selepas barangan diterima, maka tidak boleh *khiyār* kerana ia adalah dalam tanggungan atau liabiliti pembeli. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 127.

⁶⁰ Umpamanya seperti hamba yang suka mengadu-ngadu, kuat memaki, makan tanah, gagap, kuat berdusta, suka membuat tuduhan, meninggalkan sembahyang, meminum arak (pada hamba yang muslim), makan tumbuhan yang memabukkan atau dadah. Termasuk juga dalam kategori ini ialah hamba perempuan yang bunting, meminum binatang akan susunya, terpotong setengah telinganya, pembeli membeli rumah yang tidak diketahuinya ia adalah tempat perhentian askar atau hampir dengan orang membasuh kain yang menyakiti dengan bunyi pukuhnya

4. Kategori 'ayb yang berhak *khiyār* fasakh.⁶¹
5. Kategori 'ayb yang tidak boleh dikembalikan apabila hendak *khiyār*.⁶²
6. Barangan binasa ketika tempoh *khiyār*.⁶³

atau asap sebab hampir bilik mandi atau ada di atas tingkat atasnya saluran orang atau ditanam pada rumahnya orang mati atau nyata sepotong padanya tersurat wakaf khat orang dahulu-dahulu dan tiada orang yang menaik saksi dengannya atau masyhur pada lidah orang banyak dengan wakafnya. Begitu juga seperti barang jualan terkena najis yang mengurangkan nilai harganya apabila dibasuh atau memerlukan kos membersihkannya, tanah yang berpasir atau berbatu padahal dibeli untuk bercucuk tanam atau buahnya masam apabila ditanam di suatu tanah. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 22. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 122. Dalam hal ini, al-Nawawī menuqilkan fatwa al-Ghazālī bahawa apabila seseorang membeli sebidang tanah, dan didapati ia dinaiki air Sungai Dijlah (Negeri Iraq) dan memberi mudarat kepada tanaman, maka dia berhak untuk mengembalikannya. al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 126.

- 61 Umpamanya seperti hamba yang tuli sekalipun sebelah telinganya, botak kepalanya, tidak memahami banyak perkara, bercakap telo, gila pada setengah ketika, makan setengah anggotanya, buta malam, hidung tidak dapat mencium, kelu lidah, lidah tidak tahu rasa makanan, anak jari tidak sirus, tiada kuku, tiada tumbuh bulu pada kepalanya atau bulu ari-arinya, gigi tidak bersamaan, ada tatu yang tidak dapat dimaafkan pada sembahyang, khunsa musykil, menyerupai diri seperti perempuan, murtad, *rutaqa'*, *qurana'*, *mustahāḍah*, berubah bau farajnya, tiada haidh dalam tempoh setahun, hamba perempuan itu kafir yang tiada boleh diwati'nya oleh pemiliknya, capik kakinya, berubah hitam giginya, besar salah satu biji zakarnya atau buah dadanya, atau parut pada mukanya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 22.
- 62 Umpamanya seperti membeli budak yang lambat perkataannya atau sangat kasar suaranya atau orang yang jadi merdeka dengan belinya atau ada ia anak zina atau hamba pandai menyanyi atau pandai berserunai atau pandai main kayu *ṭanbūr* (sejenis biola) atau ribab atau tukang buang darah atau sangat kuat makan atau sedikit makan atau jarang rambut kepalanya atau sangat lebat bulu dahinya atau uban pada hal belum ketikanya atau hamba perempuan itu beranak atau hamba yang mati zakarnya atau belum lagi khatan pada hal sudah besar. Namun, dianggap 'ayb boleh *khiyār* sekiranya ia adalah hamba perempuan yang sudah besar tetapi belum *khatan*. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 22-23. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 125.
- 63 Ketika tempoh *khiyār*, sekiranya barangan itu binasa di tangan penjual, maka akad jual beli itu fasakh. Sekiranya barangan itu binasa di tangan pembeli, maka diambil harganya daripada penjual, dan barangan ganti dikembalikan kepada penjual. Sekiranya ia binasa ketika *khiyār* pembeli atau keduanya, dan berlaku binasa pada tangan pembeli, maka dalam hal ini, pembeli mempunyai dua pilihan sama ada menyempurnakan jual beli tetapi dia wajib membayar harga kepada penjual, atau memfasakhkan jual beli, tetapi dia wajib memberi gantinya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23.

7. Wujud 'ayb yang batin.⁶⁴

8. Penjual mensyaratkan terlepas daripada 'ayb yang datang daripadanya.⁶⁵

Arsy (Potongan Harga/Rebat)

Dalam *Furū'*, Syeikh Daud juga membincangkan di bawah subtajuk *khiyār 'ayb* mengenai *al-arsy* iaitu potongan harga atau rebat. Dari segi bahasa, *al-arsy* merujuk kepada jumlah tertentu yang ditolak daripada harga barang jualan apabila wujudnya 'ayb,⁶⁶ atau merujuk kepada *what is payed by way of adjustment of the difference between freedom from defect and defect in an article of merchandise*.⁶⁷

Bagi Syeikh Daud, istilah *arsy* ini merujuk kepada minta harga kurang daripada harga asal dengan kadar nisbah 'ayb barang tersebut. Umpamanya, sekiranya harga asal tanpa 'ayb seratus riyal, maka jika ada 'ayb harganya jadi sembilan persepuluh. Ini bermakna nisbah kurangnya adalah satu persepuluh

⁶⁴ Sesuatu jual beli seperti jual beli binatang itu berkuatkuasa walaupun wujudnya 'ayb ketika akad dengan syarat bahawa penjual itu tidak mengetahui kewujudan 'ayb yang batin itu sungguhpun 'ayb itu berada di luar perut. 'Ayb batin merujuk kepada barang yang sukar dilihat padanya sekalipun berada di luar perutnya. Pendapat ini dimuktamad oleh Syeikh al-Mudamaghī. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23.

⁶⁵ Dalam kes ini, syarat tersebut tidak sah kerana menggugurkan sesuatu yang belum thabit. Namun, akad itu sah menurut pendapat yang muktamad. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23. Menurut al-Nawawī pada pendapat yang *al-azhar* bahawa penjual tersebut terlepas daripada 'ayb yang batin yang terdapat pada haiwan yang tidak diketahui oleh sesiapaupun dan ia wujud sebelum daripada serahan. Sebaliknya sekiranya dia meletakkan syarat terlepas daripada 'ayb yang belum berlaku, maka dalam hal ini, syarat tersebut tidak sah. al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥīn*, 221.

⁶⁶ *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Mesir: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah, 4.ed, 1425H/2004M), 13. Perkataan *al-arsy* juga merujuk kepada luka tikaman atau diyat anggota badan. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*, 13 Selain itu, ia juga merujuk kepada mas kahwin bagi perempuan yang di*waṭi'* syubhah. Dalam hal ini, perempuan tersebut dianggap masih dara sebelum perbuatan *waṭi'* itu berlaku. Oleh itu, perbuatan *waṭi'* itu menyebabkan hilang kedaraannya dan hilang nilainya. Manakala mas kahwin jenis ini merujuk kepada perbezaan harga antara sifat keadaan baik dengan sifat yang cacat, yang perlu dibayar atasnya. Lihat: Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab* (Beirūt: Dār al-Sādir, 1992/1412), vi. 263-264.

⁶⁷ Lane, E.W., *An Arabic-English Lexicon* (Part 1 ا - ث), 47.

bersamaan sepuluh riyal.⁶⁸ Perkara ini boleh ditunjukkan secara formula matematik seperti berikut:

$$\text{Harga asal (tanpa 'ayb)} = \$100 = 100\%$$

$$\text{Harga baru (wujud 'ayb)} = 9/10 \text{ daripada harga asal} = 9/10 \times \$100 = \$90$$

$$\text{Jadi, nilai arsy (rebat)} = 10 - 9/10 = 1/10;$$

atau,

$$= 1/10 \times \$100 = \$10.$$

Dalam kes ini juga sekiranya pembeli memulangkan barangan tersebut, sedangkan harganya telah binasa pada tangan penjual, maka pembeli boleh menuntut daripada pembeli akan ganti di mana harta *mithlī* diganti dengan *mithlī*, dan harta *mutaqawwim* diganti dengan nilai harganya.⁶⁹

Syeikh Daud selanjutnya menjelaskan beberapa perkara berkaitan dengan *arsy* dalam *khiyār 'ayb* sebagaimana berikut:

1. Barangan yang mempunyai 'ayb tersebut hendaklah dari jenis bukan *ribawī* yang sah dijual dengan jenisnya.⁷⁰
2. Sifat 'aybnya tidak diketahui. Oleh itu, sekiranya sifat 'aybnya diketahui, maka ia tidak boleh dikenakan *arsy*, dan hendaklah dikembalikan bersama sifat 'aybnya atau dibuat pembatalan (*iqālah*) atau hibah.⁷¹
3. Wajib segera dikembalikan barangan yang diterima dengan sifat 'aybnya yang nyata.⁷²

⁶⁸ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muṭtīn*, 221.

⁶⁹ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muṭtīn*, 221.

⁷⁰ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23.

⁷¹ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23.

⁷² Dalam hal ini, *khiyārnya* boleh batal apabila dilewat-lewatkan pengembalian barangan tersebut, kecuali kelewatan disebabkan oleh dia tengah sembahyang, atau tengah makan, atau masuk waktu keduanya, atau qada' hajat, atau pada malam yang kesukaran pergi kepadanya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 23-24. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 138; al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muṭtīn*, 221; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 75. Begitu juga sekiranya 'aybnya pada pakaian yang dipakai, maka hendaklah segera menanggalkannya kecuali ketika di tengah jalan, atau dari jenis tunggangan, maka hendaklah segera turun dan dituntun, atau dari jenis khadam, tidak boleh diberi arahan membuat kerja

4. Mengembalikan barang kepada hakim adalah *awlā* (lebih diutamakan)⁷³ dan kosnya ditanggung oleh pembeli.⁷⁴
5. Menuntut *arsy* itu tidak wajib segera.⁷⁵
6. Mengembalikan dua barang yang dibeli dengan satu akad walaupun nyata '*ayb* itu pada salah satunya.⁷⁶
7. Turut dikembalikan ialah nilai tambah yang bergabung (*ziyādah muttaṣil*)⁷⁷ dan nilai tambah yang boleh pisah (*ziyādah munfaṣilah*).⁷⁸

lagi. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 24. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muftīn*, 221; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 76-77.

⁷³ Serahan tersebut jatuh pada kedudukan *awlā* (diutamakan) diserahkan kepada kepada hakim bersama dihadiri oleh penjual atau wakilnya. Namun sekiranya penjual tidak hadir, maka hendaklah diserahkan kepada hakim dan wajib disaksikan dengan fasakh oleh pembeli atau melalui wakilnya sekiranya pembeli berkeuzuran. Sebaliknya, apabila pembeli tidak dapat memberi kesaksian, maka tidak wajib ia melafazkan dengan fasakhnya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 24. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muftīn*, 221; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 75-76.

⁷⁴ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 24. Dalam kes akad jualan seperti telur yang ada di dalamnya anak atau semangka yang busuk mengandungi ulat di dalamnya, adalah dianggap batal dan pembeli wajib mengambil harga keseluruhannya, serta penjual wajib membersihkan tempatnya tumpahnya daripada kulitnya. Dalam kes pembelian telur atau semangka dengan jumlah banyak, lalu dipecahnya satu-satu dan didapati ada '*ayb*, maka dalam kes ini, dia tidak boleh memecahkan yang lainnya, bahkan memadai thabit dengan pecahan pertama sahaja bagi yang merangkumi keseluruhannya. Sekiranya dipecahkan yang kedua-duanya, maka menyebabkan dia tidak boleh mengembalikan keseluruhan telurnya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 25. Lihat juga: al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muftīn*, 222.

⁷⁵ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 24.

⁷⁶ Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 25. Lihat juga: al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 80.

⁷⁷ Umpamanya seperti tembam bagi binatang, besar pada pohon kayu, dan belajar mengaji, adalah mengikut asalnya iaitu dikembalikan kepada penjual dan pembeli tidak boleh menuntut sesuatu daripadanya. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 26. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 151; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 81.

⁷⁸ Sekiranya *ziyādah* berlaku dalam barangan jualan pada pembeli adalah dikembalikan kepada penjual seperti anaknya; sementara jika *ziyādah* daripada harga maka ia boleh dikembalikan kepada penjual, umpamanya seperti membeli pokok kurma maka keluar mayamnya, maka dikembalikan pokok dengan '*ayb*

PENUTUP

Konsep *khiyār* menurut Syeikh Daud al-Faṭānī sebagaimana yang dibincangkan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* adalah dalam ruang lingkup perbincangan *fiqh* Shāfi'ī. Ia dapat dilihat dengan jelas menerusi perbincangan tajuk *khiyār* dari sudut definisi, bahagian dan jenis-jenisnya, dan kaitannya dengan prinsip *arsy* (potongan/rebat). Perkara ini menjelaskan aliran pemikiran *fiqh* Syeikh Daud adalah kesinambungan siri aliran pemikiran fuqaha' mazhab Shāfi'ī terutamanya al-Ghazālī, al-Nawawī, al-Rāfi'ī, al-Syarbīnī al-Khaṭīb, al-Ramlī, Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, dan al-Māwardī. Ia merupakan suatu siri kesinambungan tradisi keilmuan Islam yang menjaga pertalian sanad keilmuan atau dikenali sebagai *genealogy of knowledge*. Hal inilah yang melakarkan rumpun dan jaringan kekeluargaan genealogi kitab *fiqh*.

RUJUKAN

- Abd Basir Mohamad *et al.*, *Kamus Ekonomi Islam: Perniagaan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).
- Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).
- Abdullah Alwi Hassan, 'Pertumbuhan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia', Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (eds.), *Tamadun Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad, *al-Wajīz fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirūt, Lubnan: Dār al-Arqam bin Abī al-Arqam, 1997).
- Al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994).
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Mesir: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah, cet. 4., 1425H/2004M).
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf al-Dimasyqī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥtājīn* (Arab Saudi: Dār al-Minhāj, 2005).
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf al-Dimasyqī, *Rawḍat al-Ṭālibīn* (Arab Saudi: Dār 'Ālim al-Kutub, cet. khas, 3 vols., 1423H/2003M).

kepada penjual dan mayamnya pula kepada pembeli. Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il*, 26. Lihat juga: al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn*, 151-152; al-Syarbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, 82.

- Al-Qalyūbī dan 'Umairah, *Ḥāsyiyatān (Ḥāsyiyat al-Qalyūbī wa Ḥāsyiyat 'Umairah 'ala Syarḥ al-Muhallā 'ala Minhāj al-Ṭālibān)*(t.tp.: Dār al-Fikr, 2 vols., t.t.).
- Al-Rāfi'ī, al-Imām Abū Qāsim 'Abd al-Karīm b. Muḥammad b. 'Abd al-Karīm al-Qazwinī al-Shāfi'ī, *al-'Azīz Syarḥ al-Wajīz* (Beirūt, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997).
- Al-Ramlī, Muḥammad b. Aḥmad b. Hamzah b. Syihāb al-Dīn, *Nihāyat al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* (Beirūt, Lubnan: Dār al-Fikr, 1983).
- Al-Syarbīnī al-Khaṭīb, Muḥammad, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997).
- Al-Syirwani dan Ibn Qasim al-'Ibadi, *Hawasyi al-Syaykh 'Abd al-Hamid al-Syirwani wa al-Syaykh Ahmad bin Qasim al-'Ibadi 'ala Tuhfat al-Muhtaj b Syarh al-Minhaj* (t.tp.: Dar al-Fikr, t.t.).
- Al-Zuḥaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985).
- Bradley, Francis R., 'Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani's Writing Contained in the National Library of Malaysia', *Jurnal Filologi Melayu*, 15(2007):121-141.
- Braginsky, Vladimir, *The Heritage of Traditional Malay Literature* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2004).
- Daud bin Abdullah al-Faṭānī, *Furū' al-Masā'il* (Patani: Maṭba'ah Bin Ḥalābī, t.t.).
- Hadenan Towpek, 'Beberapa Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani Dalam Sistem Pengajian Pondok di Kelantan', kertas kerja Seminar Keintelektualan Islam (Kota Baharu Kelantan: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Cawangan Kelantan, dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, 31 Mei-1 Jun 2010)
- Hadenan Towpek & Joni Tamkin Borhan, 'Beberapa Metodologi Penulisan Syeikh Daud Bin 'Abdullah Al-Faṭānī Dalam Kitab *Furū' al-Masā'il* Dengan Tumpuan Kepada Fiqh Mu'āmalāt', Kertas kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo III (Pontianak KALBAR: Pusat Penyelidikan & Pengembangan Islam Borneo UiTM Sarawak, 4-5 Oktober 2010).
- Hooker, M.B., 'The Law Texts of Muslim South-East Asia', *Laws of South-East Asia – The Pre-Modern Texts*, M.B. Hooker (ed.), Vol. I (Singapura: Butterworth & Co. (Asia) Pte. Ltd., 1986).
- Hooker, M.B., *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).

- Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fiqh al-Islām Syarḥ Bulūgh al-Marām Min Jam‘ Adillat al-Aḥkām* (Madinah: Maṭābi‘ al-Rasyīd, 1982M/1402H).
- Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirūt: Dār al-Sādir, 1992M/1412H).
- Lane, Edward William *An Arabic-English Lexicon* (Beirut – Lebanon: Librairie Du Liban, 1968).
- Matheson, V. & Hooker, M.B., ‘Jawi Literature in Patani: the Maintenance of an Islamic Tradition’, *JMBRAS*, 61/1(1988).
- Mohamad @ Md. Som Sujimon & Wan Sabri bin Wan Yusoff, ‘Sheikh Dā‘ūd al-Faṭānī’s Contribution to Muslim Scholarship in Malaysia’, *Monograph on Selected Malay Intellectuals* (Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2003).
- Muṣṭafā Rīb al-Bughā *et al.*, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam dan Beirut: al-Dār al-Syāmiyyah, 1996).
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, ‘Mengkaji Gaya Bahasa dalam Kitab Furu‘ al-Masa’il Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani’, *Jurnal Dewan Bahasa*, 35/1(1991b):58-59.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, ‘Sejarah Ringkas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Karya karyanya’, kertas kerja *Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Akademi Islam Universiti Malaya, 1991a).
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani: Pengetahuan Sembahyang Masyhur* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2003).
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam: HIZBI, 1990).
- Wizārat al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, 1987).